

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

HKB 316 - Karya-Karya Terpilih Dari Kesusasteraan Eropah Dan Amerika

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **TIGA** [3] soalan sahaja.

1. Bandingkan pentafsiran Torvald dan Nora tentang makna "a true marriage". (Ibsen, A Doll's House).

2. Setakatmanakah Chopin berjaya menggunakan simbol laut untuk mendedahkan psikologi dalaman Edna Pontellier? (Chopin, THE AWAKENING).

- 3 a) **SAMA ADA**

Mengikut seorang pengkritik, Sainte Beuve, Flaubert tidak berlaku adil kepada watak-watak lain kerana terlalu memfokuskan kepada watak Emma. Lantas, kesemua penghuni Yonville dilukiskan cetek dari segi pemikiran, kepekaan dan sensitiviti berbanding dengan Emma. Bincangkan.

- b) **ATAU**

Manusia moden di Eropah memperlihatkan kejiwaan yang berbelah bagi di antara dorongan-dorongan Romantis dan sikap materialistik dan bourgeois. Dengan merujuk kepada pernyataan di atas bincangkan perwatakan Emma dan Charles di dalam Madame Bovary.

4. Setakatmanakah Lawrence berjaya menggunakan bunga kekwa sebagai leitmotif untuk meneroka lapisan dalaman Puan Bates? (Lawrence, Odour Of Chrysanthemums).

5. Mengikut King-Kok Cheung, “silences” mempunyai makna-makna tertentu di dalam perjuangan wanita-wanita Asia untuk “menyuarakan” hasrat mereka semasa menghadapi cabaran-cabaran daripada sistem-sistem dominan. Bincangkan berdasarkan Obasan oleh Joy Kogawa.

6. Sejauhmanakah Bharati Mukherjee berjaya memaparkan ironi, paradoks dan kompleksiti di dalam pertembungan budaya melalui watak-watak yang melintasi batasan-batasan budaya? (Mukherjee, A Wife's Story).